



---

**SURAT PEKELILING KEWANGAN  
BILANGAN 6 TAHUN 2021**

---

**PINDAAN PERATURAN KEWANGAN DAN  
PERAKAUNAN UNIVERSITI (PKPU) :  
BAHAGIAN PENGURUSAN PEROLEHAN  
UNIVERSITI (PU) DAN BAHAGIAN PENGURUSAN  
ASET UNIVERSITI (PA)**

**Pejabat Bendahari**

15 Mac 2021

**Disalinkan kepada :**

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

Pegawai-Pegawai Kanan

# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld. 11 ( 6 )

15 Mac 2021

## SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 6/2021

### **PINDAAN PERATURAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN UNIVERSITI (PKPU) : BAHAGIAN PENGURUSAN PEROLEHAN UNIVERSITI (PU) DAN BAHAGIAN PENGURUSAN ASET UNIVERSITI (PA)**

#### **1.0 TUJUAN**

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan tentang Pindaan Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU) : Bahagian Pengurusan Perolehan Universiti (PU) dan Bahagian Pengurusan Aset Universiti (PA)

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pejabat Bendahari telah mengeluarkan Surat Pekeliling Kewangan Bil. 5/2019 berkaitan Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU) yang telah diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 3/2019 pada 11 Julai 2019 dan telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 4/2019 pada 15 Ogos 2019.
- 2.2 PKPU ini terdiri daripada enam (6) bahagian iaitu :
  - 2.2.1 Bahagian Tadbir Urus Kewangan (TU);
  - 2.2.2 Bahagian Pengurusan Bajet (PB);
  - 2.2.3 Bahagian Pengurusan Perolehan Universiti (PU);
  - 2.2.4 Bahagian Pengurusan Aset Universiti (PA);
  - 2.2.5 Bahagian Pengurusan Wang Universiti (PW); dan
  - 2.2.6 Bahagian Pelaburan Strategik (PS).

- 2.3 Terdapat pindaan peraturan yang dikeluarkan oleh agensi pusat dan peraturan yang ditambah baik oleh Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) iaitu seperti berikut :
- 2.3.1 Kementerian Kewangan Malaysia melalui Pekeliling Perbendaharaan di bawah PP/PK7.17 telah mengeluarkan peraturan berkaitan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan Untuk Pegawai Dan Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009;
  - 2.3.2 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 (PP Bil.21/2009) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam telah menetapkan peraturan berkaitan permohonan perbelanjaan bagi kemudahan perubatan kepada pegawai, pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan serta ahli keluarga dan ibu bapa mereka yang berkelayakan;
  - 2.3.3 PP Bil.21/2009 juga memperuntukkan tanggungjawab kepada Ketua Jabatan untuk memastikan pembayaran yang dibuat kepada pemohon adalah mamatuhi tacara dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa; dan
  - 2.3.4 Pejabat Bendahari mencadangkan rekod inventori bagi tahun pendaftaran 2001-2018 yang bernilai RM500.00 dan ke bawah seunit dibatalkan adalah bersandarkan para 1.2.1 (ii), Bab B - Pengurusan Aset Alih, Bahagian Pengurusan Aset, Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU) yang sedang berkuat kuasa.
- 2.4 Peraturan di para 2.3 di atas telah diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 1/2021 pada 4 Februari 2021 dan telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 1/2021 pada 10 Februari 2021.
- 2.5 Sehubungan dengan perkara di atas, PKPU telah dipinda seperti di para 3.0.

### 3.0 – PEMAKAIAN

3.1 Di bawah Bahagian Pengurusan Perolehan Universiti (PU) adalah seperti berikut :

3.1.1 Pindaan :

**BAB P : PEROLEHAN-PEROLEHAN YANG DIKECUALIKAN  
DARIPADA TATACARA PEROLEHAN KERAJAAN**

3.1.2 Tarikh kuat kuasa :

**10 Februari 2021**

3.1.3 Capaian :

**<https://pkpu.utem.edu.my/index.php/3-0-bahagian-pengurusan-perolehan-universiti-pu/bab-p-perolehan-perolehan-yang-dikecualikan-daripada-tatacara-perolehan-kerajaan/805-bab-p/file>**

3.2 Di bawah Bahagian Pengurusan Aset Universiti (PA) adalah seperti berikut :

3.2.1 Tambahan :

**BAB D : PENGURUSAN STOR**

**- GARIS PANDUAN PENGURUSAN BEKALAN DAN BAHAN-  
BAHAN LAIN BUKAN STOK (BS)**

3.2.2 Tarikh kuat kuasa :

**10 Februari 2021**

3.2.3 Capaian :

**<https://pkpu.utem.edu.my/index.php/4-0-bahagian-pengurusan-aset-universiti-pa/bab-d-pengurusan-stor/1815-garis-panduan-pengurusan-bekalan-dan-bahan-bukan-stok/file>**

Sekian, harap maklum.

**“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menjalankan amanah,



**KHAIRUL BIN TAIB**

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

*RA/UGP/SPK Pindaan PKPU9*